

Budaya EcoCampus Perlu Diteruskan Untuk Lahir Mahasiswa Yang Cergas

Oleh Mohd Azlan Roslih

Kota Kinabalu, 2 April – Universiti Malaysia Sabah (UMS) baru-baru ini telah melancarkan kempen EcoCampus dengan menggalakkan mahasiswa berbasikal dalam kampus yang telah dilancarkan oleh Naib Cancellor, Prof. Dr. Mohd. Harun Abdullah pada Mac 2015 yang lalu.

Tujuan pelaksanaan kempen tersebut adalah bertujuan untuk mempraktikkan serta menyemarakkan lagi budaya Eco-Campus dalam kalangan mahasiswa melalui aktiviti-aktiviti yang berfaedah misalnya berbasikal ke kuliah yang juga boleh dijadikan sebagai aktiviti harian dalam kampus.

Selain itu, pelaksanaan kempen tersebut juga bertujuan untuk menerapkan nilai-nilai mesra alam serta memberikan kesedaran kepada golongan penuntut berkenaan kepentingan untuk menjaga kesihatan agar sentiasa cergas dan bergiat aktif.

Menurut Rabiatul Adawiyah, 22, program Geografi, kempen seperti ini adalah amat bersesuaian dengan tema EcoCampus selain turut memberikan pelbagai kemudahan serta kelebihan dan manfaat kepada golongan penuntut.

“Amalan berbasikal dalam kampus adalah

suatu yang baik kerana ianya mampu memberi manfaat kepada pelajar terutama kepada kesihatan malah kepada alam persekitaran,” katanya.

Penglibatan Naib Cancellor UMS semasa pelancaran kempen tersebut telah meningkatkan lagi semangat dalam kalangan mahasiswa untuk bersama meneruskan serta mengamalkan budaya ini.

UMS juga telah melancarkan promosi basikal elektrik dengan kadar sewaan sebanyak RM30 sebulan berserta servis penyelenggaraan secara percuma kepada semua pelajar bermula tarikh pendaftaran pada 18 hingga 22 Mei ini.

Program yang bertemakan EcoCampus ini perlu diteruskan agar tidak hanya berhenti di situ sahaja, pihak UMS juga telah banyak melakukan program seperti ini kerana UMS merupakan universiti pertama dalam negara yang mewujudkan tema EcoCampus ini.

Program yang pernah dijalankan oleh pihak UMS adalah seperti *Borneo Eco Film Festival* untuk memupuk kesedaran mahasiswa, Larian Eco Campus sempena ulang tahun UMS ke-20 pada 16 Nov tahun lalu, dan Program *My Tree Progress For New Students*.